



5 MINIT REVIEW TENTANG EMAS

Diubahsai oleh Mohamad Hafiz Shafie
Dengan kebenaran penulis asal,
En Mohd Zulkifli Shafie
(Edisi Kemaskini – 13 December 2020)

PROFILE SAYA



Mohamad Hafiz Shafie
Public Gold Dealer
Kod PG00054635
+6014 500 5090

- ❖ Berpengalaman menyimpan emas sejak dari tahun 2011, ketika masih bergelar mahasiswa.
- ❖ Berpengalaman membimbing lebih 500 pembeli emas di Malaysia secara online dan offline sejak 2016.
- ❖ Mentee kepada En Mohd Zulkifli Shafie (www.mohdzulkifli.com), penulis buku Wang Emas dan Misi Bebas Hutang.
- ❖ Aktif berkongsi ilmu tentang emas dan kewangan secara online melalui,
(1) Blog: www.hafizshafie.com
(2) Telegram :
t.me/MohamadHafizShafie

CARA MEMANFAATKAN E-BOOK INI

Download

Jika terima ebook ini dari kenalan anda, ia mungkin sudah *outdated*. Sila dapatkan versi TERKINI www.hafizshafie.com/percuma

Baca

Baca kesemua bahagian ebook ini. Jika ada masa, baca juga LINK ARTIKEL berkaitan.

Share

Jika bermanfaat, SHARE kepada kenalan yang lain supaya mereka juga dapat manfaat.

20 persoalan asas perlu diketahui sebelum membeli emas

1. Mana lebih untung; ASB, Tabung Haji atau beli emas?

Kalau untuk **jangka pendek**, ia bergantung pergerakan sebenar harga emas. Ada tahun harga emas naik sampai 30%, dan juga turun sampai 28%. Purata kenaikan harga emas sekitar 10% setahun sejak 10 tahun lalu. Lepas tolak kos spread & zakat, untungnya sekitar 8% - 10%. Tabung Haji (5%), ASB (5.5% lepas tolak zakat 2.5%). Belum tolak inflasi 4%. Cek sejarah harga emas di Malaysia di <http://bit.ly/webbnm> (web BNM).

Tahun	ASB (%)	Tabung Haji (%)	Emas USD (%)
2002	7.00	3.50	24.70
2003	7.25	4.00	19.70
2004	7.25	4.30	5.30
2005	7.25	4.50	20.00
2006	7.30	4.75	23.00
2007	8.00	5.00	30.90
2008	7.00	5.00	5.60
2009	7.30	5.00	23.40
2010	7.50	5.50	27.10
2011	7.65	6.00	10.10
2012	7.75	6.50	7.00
2013	7.70	6.00	-28.30
2014	7.50	6.25	-1.50
2015	7.25	5.00	-10.40
2016	6.75	4.25	9.10
2017	7.25	6.25	13.60
2018	7.00	1.25	0.50
2019	5.50	3.05	5.00
2020	IP	IP	50.00
Purata tahunan	7.36	5.11	12.35
Catatan Penting	Belum tolak zakat 2.5%	Bersih selepas zakat	Belum tolak spread & zakat 2.5%

Harga emas naik secara purata 9.90% sejak 2001 (dalam USD). Menurut pakar kewangan Azizi Ali, kadar 10% +/- itu dianggap satu pulangan bagus untuk pelaburan.

TIP SIMPANAN JANGKA PANJANG!

Untuk **jangka panjang**, simpan emas lebih berbaloi berbanding Tabung Haji atau ASB. Harga emas boleh dikatakan confirm naik disebabkan nilai duit kertas sentiasa merosot dalam jangka panjang. **Kalau nak simpan duit untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 - 3 tahun, simpanlah dalam bentuk emas. Nilai dan kuasa beli emas lebih terjamin.**

Kalau ada bajet yang lebih besar, boleh pertimbangkan simpan kekayaan dalam bentuk rumah pelaburan ataupun tanah yang diusahakan.

Saya secara peribadi menjadikan Tabung Haji atau ASB hanya untuk simpanan kecemasan (berjumlah 3 bulan gaji) dan duit yang nak digunakan dalam jangka waktu terdekat sahaja. Selebihnya saya simpannya dalam bentuk emas dan hartanah.

2. Adakah **jaminan harga emas sentiasa naik?**

Tak ada jaminan. Harga emas ada turun naik dalam jangka pendek, tapi boleh dikatakan harga emas CONFIRM sentiasa naik dalam jangka panjang disebabkan kuasa beli duit kertas sentiasa susut. Penurunan kuasa beli duit kertas itulah yang menyebabkan harga barang naik dalam jangka panjang, samada barang keperluan, rumah, tanah, apatah lagi emas! Kesannya, kita terpaksa bayar duit yang lebih banyak untuk dapatkan barang yang sama dalam jangka panjang!

Jadi kalaupun nak beli emas, guna duit yang agak-agak tak pakai at least dalam tempoh SETAHUN. Paling baik 3-5 tahun. Untuk jangka panjang, tak perlu risau tentang harga. Ia hanyalah tentang persoalan masa sahaja.



Sejarah harga emas 10 tahun. Kenaikan sekitar 420% dalam nilai USD. Selepas berlaku kejatuhan dari 2013 – 2015, harga emas mulai trend menaik sejak 2016. Ia peluang yang baik untuk membeli.

3. Berapa modal paling minimum untuk beli emas?

Anda boleh mula dengan item sekecil **gold bar 1 gram (bajet bawah RM350)**. Kalau modal besar, boleh beli gold bar lebih besar atau coin dinar.



TIP :

Dengan cara akaun emas fizikal GAP, ada bajet RM100 pun dah boleh mula simpan emas.

Kefahaman lanjut tentang GAP, rujuk artikel yang saya share ini → [FAQ Akaun Emas GAP](#)

TIP BERMULA

Mulakan dulu simpanan emas walaupun 1 gram. Bila sudah bermula, anda akan **lebih senang faham** ilmu emas, dan lebih faham "mahal murah" harga emas kerana mempunyai benchmark tersendiri. Anda hanya tukar duit kepada emas, dan anggap ia sebagai proses untuk belajar.

Persoalan lanjut tentang emas & cara pembelian, contact saya **+6 014 500 5090 (wassap, sms, call)**


4. Apakah **keuntungan** menyimpan emas?

Dari sudut simpanan, emas dapat membantu;

(1) Elak kebocoran wang. Ramai orang tak dapat mempertahankan wang yang disimpan dalam akaun bank, disebabkan sering "terguna" dan juga godaan yang kuat untuk berbelanja. Emas boleh jadi "ubat mujarab" bagi menyelesaikan masalah kebocoran simpanan bagi kebanyakan orang.

(2) Nilainya bertahan dari ketidaktentuan ekonomi & politik. Nilai emas tak tergugat walaupun berlaku krisis ekonomi, nilai ringgit (RM) jatuh, hatta berlaku peperangan sekalipun. Ini disebabkan nilai emas dipegang kukuh oleh berat dan ketulenan emas itu sendiri tanpa perlu jaminan dari sesiapa. Emas adalah DUIT SEBENAR yang telahpun digunakan sebagai alat penyimpan nilai paling ampuh dalam sejarah manusia.

(3) Selamat dari penyusutan kuasa beli. Simpan emas, tak perlu risau kenaikan harga barang (inflasi) dalam jangka panjang disebabkan emas mengekalkan KUASA BELI SEPANJANG ZAMAN. Sedangkan duit kertas, kuasa belinya confirm susut dari tahun ke tahun.



Zaman Nabi Muhammad s.a.w, seekor kambing boleh dibeli dengan syiling emas 1 dinar (berat 4.25 gram, ketulenan 999.9). Hari ini, harga 1 dinar sekitar RM800, juga cukup untuk beli seekor kambing. **Emas mengekalkan kuasa belinya selama 1,400 tahun.** Berbeza dengan duit kertas; tahun 1980-an dulu, duit 50 sen cukup untuk budak sekolah makan kenyang di sekolah. Tapi hari ni RM2.00 sehari pun belum tentu cukup! Ini bukti duit kertas sentiasa susut kuasa belinya. Orang simpan emas, akan selamat daripada kesan inflasi.

TIP DISIPLINKAN DIRI MENYIMPAN WANG!

*Asas membina kekayaan ialah menyimpan sebahagian pendapatan secara berdisiplin setiap bulan. Siapa tidak menyimpan, sampai bila-bila pun dia tidak akan kaya. Emas boleh dijadikan salah satu cara berkesan untuk mendisiplinkan diri menyimpan, dan mengelakkan simpanan itu daripada bocor dibelanjakan dengan mudah. **Emas bukan sekadar kalis inflasi, tetapi ia juga KALIS BOROS!***

Ikuti tip terkini simpanan & pelaburan emas di Telegram saya. Pastikan anda sentiasa follow update di Telegram saya:

- Telegram → t.me/MohamadHafizShafie

5. Di mana nak semak harga emas semasa? Di mana boleh saya beli emas?

Emas bukan barang kawalan. Harga emas berbeza-beza antara setiap pengeluar sebab kos pengeluaran mereka berbeza, dan kadar keuntungan juga berbeza. Anda boleh cek harga emas di website setiap pengeluar:

Jenama/ Pengeluar Emas Fizikal	Website	Catatan
Public Gold (PG)	www.publicgold.com.my	-
Emas UOB Bank	www.uob.com.my	Corporate & Institutional Bank > Global Market & Investment Management > Gold Bullion
Kijang Emas BNM	www.maybank2u.com.my	Investment > Gold & Silver
Kuwait Finance House (KFH)	www.kfh.com.my	-
Nusantara Bullion Exchange (NUBEX)	www.nubex.my	-
Lee Wah Goldsilver (Kuala Pilah)	www.facebook.com/leewahgoldsilver	-
Harga emas umum di Malaysia	www.hargaemas.com.my/harga	-
Harga emas dunia	www.kitco.com	← Harga emas mentah
Sejarah harga emas dunia	www.goldprice.org/gold-price-history.html	← Harga emas mentah

6. Jenama emas apa terbaik untuk pelaburan di Malaysia?

Apa jenama pun tak kisah. Tetapi kalau beli dengan tujuan menjual pada harga lebih tinggi pada masa akan datang, kena **pastikan 5 kriteria ini**:

1. Harga per gram rendah
2. Spread / susut nilai nipis – supaya cepat nikmati keuntungan
3. Stok tiada had – terutamanya bila harga tengah rendah
4. Cawangan jual beli banyak - supaya memudahkan urusan
5. Jaminan beli balik - bila kita nak jual nanti

Untuk betul-betul faham 5 kriteria di atas, boleh baca artikel mentor saya di [5 Ciri Emas Terbaik Untuk Pelaburan 2020](#)

Setakat pemerhatian mentor saya sejak 2010, **Public Gold yang terbaik**. Sebab paling utama, senang dibeli, senang dijual dan **paling penting, untung maksimum** bila jual balik; (1) Harga lebih murah sekitar 15% berbanding kedai emas, (2) Spread antara yang terendah di Malaysia, (3) Ada 18 cawangan & dealer banyak seluruh Malaysia, (4) Stok tiada had, dan (5) Public Gold jamin beli balik emas tu bila kita nak jual. Ada 5 lagi kelebihan emas Public Gold, boleh baca di www.bit.ly/kelebihanemaspg .

TIP ELAK DITIPU KETIKA MEMBELI EMAS!

Pastikan **beli emas hanya dari syarikat dan platform yang mempunyai reputasi yang baik** seperti Public Gold, Maybank, UOB Bank atau KFH. Jangan membeli emas dari platform sembarangan supaya mengelakkan anda ditipu. Anda boleh kehilangan duit, atau mendapat emas yang kondisinya yang sudah cacat!

7. Apa jenama **emas** yang bagus untuk simpanan dan pelaburan di Malaysia?

Berdasarkan pengalaman saya, ini 4 jenama paling baik di Malaysia; (1) Public Gold, (2) [Kijang Emas](#), (3) UOB Bank, dan (4) Kuwait Finance House. Selain empat jenama ini, ada banyak lagi, tapi ini yang paling berkredibiliti.



Emas Public Gold (standard LBMA)



Syiling Kijang Emas (dijual di Maybank)



Emas di UOB Bank (jenama antarabangsa)

8. Bila nak pakai duit, di mana boleh saya **jual balik** emas tu?

Emas tu boleh dijual di mana-mana kedai emas seluruh dunia. Ia confirm laku. Asalkan ia emas, asalkan ia tulen. Tapi **kalau nak dapat HARGA TERTINGGI, jual di tempat di mana anda membelinya**. Kalau beli Kijang Emas, jual balik kepada Maybank. Kalau emas Public Gold, jual terus di office Public Gold atau dealer Public Gold. Kalau emas Poh Kong, jual kepada Poh Kong.

Kalau nak guna duit sekejap untuk rolling, [boleh pajak di ar-rahnu](#) untuk dapatkan PINJAMAN. Caj sebenar pajakan sekitar 1.15% sebulan atau 13.85% setahun dari nilai pinjaman.

AGRO BANK		SURAT AKUAN GADAIAN SKIM AR-RAHNU	
Cawangan: 7021			
No. Akaun	47021008286500000	No. Siri	834810
Nama	MOHD ZULKIFLI BIN SHAFIE		
No. K/P	[REDACTED]		
Alamat	DAMANSARA DAMAI 47830 PETALING JAYA		
Nilai Marhun	3316.00	Tempoh (Bulan)	6
Pinjaman	2165.00	Tarikh Gadai	12/04/11
Upah Simpan	149.22	Tarikh Matang	12/10/11
Ansuran Bulanan	359.16	Kotak No.	BOX123 ENV 1
KETERANGAN MARHUN			
Bil	Jenis	Berat (gms)	Nilai (RM)
1	S10 LBR-LBR	PUBLIC GOLD	20.00 3316.00

April 2011, mentor saya pajak beberapa keping gold bar untuk pusing modal bisnes. Kos pajak sebulan ialah 1.15% dari nilai pinjaman, tapi saya dapat pusing duit tu melalui **bisnes saya** dan menjana keuntungan melebihi 10% sebulan. Itulah untungnya emas. Walaupun melabur, **duit kita tak beku** dan boleh dirolling untuk perkara lain.

9. Berbaloi tak **buat pinjaman** untuk beli emas?

Mentor saya tak galakkan beli emas dengan duit pinjaman sebab harga emas ada turun naik. Emas lebih sesuai dibeli dengan duit simpanan. [Kalau](#) masih [ada hutang](#) negatif seperti [kad kredit](#), fokus [langsakan hutang dulu](#). [Tak berbaloi](#) beli emas sebab caj [kad kredit](#) (interest 18% setahun) lebih mahal dari potensi keuntungan kenaikan harga [emas](#).

10. Bagaimana cara jana keuntungan dengan emas?

- (1) **Beli dan Simpan** – Jadikan **emas sebagai salah satu bentuk simpanan** jangka panjang. Sekurang-kurangnya untuk tempoh 2 – 3 tahun. Kalau ada duit simpanan jangka panjang, tukar kepada bentuk emas. Jual hanya bila nak pakai duit. Harga emas sentiasa naik dalam jangka panjang sebab duit kertas sentiasa susut dari tahun ke tahun dimakan inflasi.
- (2) **Beli, Jual, Beli, Jual** – Jadikan emas sebagai **alat untuk 'trading' seperti saham**. Prinsipnya, "beli harga rendah, jual harga tinggi". Ulang proses ni secara kerap. Untuk kenalpasti bila harga emas dianggap rendah, dan bila dianggap tinggi, kena tahu sedikit sebanyak tentang Analisis Teknikal Harga Emas. Saya syorkan hadir seminar Analisis Teknikal dianjurkan oleh En. Shufaad <http://www.shufaad.com>. Secara jujurnya, teknik ni tak semudah teori. Cabarannya lebih kurang mereka yang bermain di pasaran saham.
- (3) **Berniaga Sambil Simpan Emas** – Cara paling cepat untung dengan emas ialah **berniaga emas sambil menyimpan emas**. Pelabur emas untung hanya bila harga naik, tapi peniaga emas untung lebih besar walaupun harga emas turun. Dengan platform Public Gold, penyimpan emas boleh jana keuntungan besar walaupun secara sambilan sebab dealer mempunyai **6 sumber keuntungan**. Sila rujuk artikel di www.bit.ly/kelebihandealerg.

11. Sesuai tak beli barang kemas untuk pelaburan?

Barang kemas kurang sesuai untuk pelaburan, ia lebih sesuai untuk perhiasan. Kalau untuk pelaburan, paling baik ialah gold bar atau syiling dinar sahaja. **Barang kemas rugi bila nak jual balik sebab pekedai emas akan tolak susut nilainya sekitar 25% - 30% daripada harga semasa.** Harganya juga lebih mahal sekitar 15% per gram berbanding emas berbentuk gold bar dan dinar. Itu belum kira kos upah yang boleh dimanipulasi pekedai emas.



Barang kemas perhiasan kurang sesuai untuk pelaburan sebab (1) harga lebih mahal dan kita rugi pada "kos upah tukang" (2) kadar *spread*nya tinggi, iaitu sekitar 25% - 30%.

12. Bagaimana mana dengan zakat emas?

Emas simpanan kena keluar zakat 2.5% kalau cukup 85 gram (bersamaan 20 dinar) dan di simpan dalam tempoh cukup setahun (haul). Barang kemas yang dipakai pun kena zakat kalau lebih uruf setempat. Di KL, urufnya 150 gram. Detail, boleh rujuk www.zakat.com.my.

13. **Ok tak kalau masuk Skim Pelaburan Emas yang janji dapat income bulan-bulan?**

Pelaburan emas tiada "pendapatan" samada bulanan atau tahunan seperti dividen ASB, Tabung Haji dsb. Kalau ada yang menjanjikan "pendapatan", itu adalah scam (penipuan) dan money game (skim cepat kaya)! Jauhkan diri dari mana-mana SKIM pelaburan emas yang menjanjikan (1) pulangan tetap dan (2) pulangan tak masuk akal i.e. keuntungan lebih 15% setahun. Berhati-hati kalau beli emas, tapi tak dapat emas fizikalnya. **Beli emas, pastikan dapat emas, bukan dapat RESIT, SURAT PAJAK atau ada syarat TEMPOH MATANG untuk dapatkan emasnya!**

Untuk kenalpasti samada pelaburan emas itu skim penipuan atau tak, boleh baca artikel saya di link www.bit.ly/skimtopengemas.

14. **Di mana tempat simpan emas paling baik?**

Kalau sedikit, **simpan di rumah**. Tapi kena kreatif. Yang penting, jangan simpan dalam almari sebab itu sasaran utama pencuri. Kalau banyak, takut tak lena tidur dan lebih tenang tinggalkan rumah, **simpan di Safe Deposit Box di bank, ataupun syarikat swasta**. Sewaan sekitar RM100 – RM550 setahun bergantung saiz box. Ada beberapa lagi kaedah lain, baca di www.bit.ly/carasimpanemas.



Simpan emas dalam safe deposit box lebih tenang untuk keluar rumah. Saya sewa Safe Deposit Box (www.rsd.com.my), iaitu betul-betul di bawah office PG Sunway. Lepas ambil emas, terus simpan dalam safe box. Kalau untuk penyimpanan emas biasa, saya boleh syorkan sewa di www.safedepositbox.com.my sebab ia lebih murah.

15. **Berbaloi tak simpan emas dalam ar-rahnu?**

Tak berbaloi sebab cajnya sangat mahal, mencecah 14% setahun. Ar-Rahnu bukan tempat simpan emas, tapi untuk dapatkan **pinjaman** bercagarkan emas. Kaedah beli, pajak, beli pajak; risiko sangat besar sedangkan potensi untung sangat kecil. Kalau nak simpan, lebih baik simpan di Safe Deposit Box.

16. Mana lebih baik, buka AKAUN EMAS di bank berbanding beli EMAS FIZIKAL?

Beli emas fizikal lagi bagus sebab emas ada di tangan kita, dan boleh rolling emas tu dengan cara dapatkan pinjaman ar-rahnu untuk apa-apa tujuan menguntungkan. Dan ada beberapa lagi kelebihan emas fizikal sebagaimana saya terangkan di www.bit.ly/akaunvsemasfizikal.

Bank yang tawarkan Akaun Emas di Malaysia : [Maybank](#), [Public Bank](#), CIMB, UOB Bank, [Kuwait Finance House](#) (KFH) dan Bank Muamalat. **Setakat ni, cuma KFH dan Bank Muamalat sahaja disahkan patuh syariah (halal).** Alternatif lain ialah Akaun Emas GAP keluaran Public Gold (bukan bank) yang juga disahkan patuh syariah.



Public Gold (bukan bank) juga keluaran produk seperti Akaun Emas KFH tapi dengan ciri-ciri yang lebih baik. Beli emas serendah 1 gram dan **simpan dengan Public Gold secara PERCUMA**. Tak perlu risau soal di mana nak simpan emas tu. Dan boleh juga keluaran emas fizikal dan simpan sendiri. Dapatkan maklumat lanjut di www.bit.ly/beliemasgap.

17. Apa item terbaik untuk pelaburan? Gold bar atau Dinar?

Gold bar dan dinar sama sahaja dari sudut potensi pelaburan. Secara umumnya, item yang spread / susut nilai paling rendah yang paling untung. Item bersaiz lebih besar seperti gold bar 250 gram (spread 6%) & dan 100 gram (7%) lebih cepat untung berbanding gold bar 10 gram (9%).

Walaubagaimana pun, setiap orang mempunyai bajet dan matlamat berbeza. Jadi lebih baik dapatkan nasihat dealer berpengalaman untuk **kenalpasti item terbaik sesuai dengan BAJET dan MATLAMAT anda membeli emas**. Kesilapan memilih item juga boleh merugikan anda.

½ dinar (2.125g)
1 dinar (4.25g)
5 dinar (21.25g)
10 dinar (42.50g)



0.5 gram
1 gram
5 gram
10 gram
20 gram
50 gram
100 gram
250 gram
1 kg

Untuk pilih item terbaik, dapatkan nasihat dari dealer berpengalaman, dan bagi tahu BAJET & MATLAMAT anda samada; (1) simpan semata-mata? (2) nak jual bila harga naik? (3) jana pendapatan sebagai dealer?

18. Mana lebih untung beli direct di office Public Gold atau melalui dealer?

Sama sahaja dari sudut harganya. Cuma nasihat saya, dapatkan bimbingan dealer sebelum bermula sebab dealer lebih tahu selok belok pelaburan emas. Untuk pembelian, dealer boleh bantu place order. Nanti, buat bayaran terus ke akaun Public Gold dan **ambil emas direct dari mana-mana cawangan Public Gold** terdekat dengan anda. Itu cara pembelian emas PALING SELAMAT.

Kalau PERTAMA KALI beli emas di office Public Gold, **pastikan letak nama dealer yang anda percaya sebagai "Introducer"** supaya anda dapat bimbingan PERCUMA dari dealer tersebut jika ada sebarang pertanyaan pada masa depan. Kalau nak letak nama saya, berikan **Kod PG00054635, Mohamad Hafiz Shafie**. Simpan no. ni dalam handphone sekarang untuk mudah buat belian nanti.

19. Di mana cawangan Public Gold terdekat?

Public Gold ada **18 cawangan seluruh Malaysia**. Boleh cek maklumat lanjut di web www.publicgold.com.my > Where To Buy .

Cawangan Public Gold seluruh Malaysia:

Penang, Relau	04-644 9999	KL, Ampang	03-42579916
Penang, Lebuah Bishop	04-261 9999	Selangor, Sunway	03-56348999
Kedah, Sg. Petani	04-423 2999	Selangor, Bangi	03-89223916
Kedah, Alor Setar	04-734 4916	N9, Seremban	06-678 2916
Perak, Ipoh	05-242 8999	Melaka, B.Berendam	06-317 5499
Kelantan, KB	09-746 2999	Johor Bharu, Perling	07-235 8999
Terengganu, KT	09-626 3999	Sarawak, Kuching	082-252 916
Pahang, Kuantan	09-567 8916	Sarawak, Miri	085-427 916
		Sabah, K.Kinabalu	088-447 916
SINGAPORE	+65 6763 3999	Jakarta, INDONESIA	+62 81 1171 9916

20. Macam mana cara mudah membeli emas Public Gold?

Contact mana-mana dealer Public Gold yang anda percaya, atau [contact saya +6014-500 5090 \(wassap, sms, call\)](http://www.wasap.my/60145005090) atau terus klik link www.wasap.my/60145005090 untuk wassap saya lebih mudah. Saya juga dealer Public Gold yang aktif sejak tahun 2015. Insyallah saya akan tunjukkan cara mudah membeli emas walaupun anda duduk di mana-mana seluruh Malaysia, Singapore, Brunei atau di Indonesia.

TIP MENDAPAT KEUNTUNGAN DENGAN EMAS!

Bukan emas yang membuatkan kita kaya. Yang membuatkan kita kaya ialah ilmu kita tentang emas. Sebelum membeli emas, ambil masa baca buku-buku tentang emas, dan dapatkan bimbingan daripada dealer emas yang jujur dan berpengalaman.

*Dalam Public Gold, anda boleh dapatkan bimbingan itu secara percuma dengan melantik dealer itu sebagai INTRODUCER anda ketika KALI PERTAMA (ya, hanya kali pertama sahaja) membeli emas dengan Public Gold. **Kesilapan memilih Introducer juga mungkin boleh merugikan anda!***

5 SOALAN BONUS

1. **Public Gold dapat pengesahan Bank Negara tak?** Public Gold antara syarikat jual beli emas yang telahpun diteliti oleh BNM i.e. menjalankan jual beli emas secara tulen. Bagi BNM, PG bukan syarikat yang menawarkan pelaburan, tapi hanya macam 'kedai emas' sahaja yang menjalankan aktiviti jual beli emas. **Hulur duit dapat emas, hulur emas dapat duit. Tak ada apa-apa 'SKIM' PELABURAN ditawarkan.**

2. **Apakah risiko pelaburan emas?** Risiko utama ialah kehilangan emas tu sendiri disebabkan kecuaiian sendiri. Kedua, harga emas boleh turun dalam jangka pendek. Tak ada jaminan dan tak logik harga emas naik tapi tak turun-turun. Tapi ia tak ada risiko jatuh lingkup seperti risiko saham. Ini disebabkan emas sentiasa bernilai sepanjang zaman. Ia penyimpan nilai paling ampuh dalam sejarah manusia.

Kalau nak diikutkan risiko, membiarkan duit dalam bentuk wang kertas lebih berisiko sebab ringgit Malaysia pernah jatuh 50% setahun, dan ianya tak pernah berlaku kepada emas!

3. **Macam mana nak tahu emas Public Gold tulen atau tidak?** Emas PG telahpun diuji ketulenan oleh assayer (penilai) bebas & dikeluarkan bersama sijil ketulenan. Reputasinya yang kukuh ini membuatkan ia diterima untuk pajakan di POS Ar-Rahnu tanpa perlu buka seal dan tanpa perlu test ketulenan! Kalau nak yakinkan diri sendiri, saya cadangkan anda beli dulu 1 gram dan bawanya ke Pos Ar-Rahnu untuk dapatkan pengalaman sendiri.



Ketulenan emas diukur menggunakan densimeter. Boleh test di kedai emas, Ar-Rahnu atau pejabat Public Gold.

4. **Ada tak emas lain yang lebih murah daripada Public Gold?** Mungkin ada, tetapi saya boleh katakan Public Gold antara emas termurah di Malaysia. Tetapi anda perlu tahu, harga emas lebih murah tak semestinya lebih untung. Saya prefer emas Public Gold sebab **senang beli, senang jual, untung maksimum**. (1) Cawangannya banyak, dealernya bersepah seluruh Malaysia, (2) Permintaan tinggi, ia diterima ramai pelabur emas Malaysia, (3) Stok tiada had walaupun masa harga emas jatuh, (4) Harganya bergerak mengikut harga emas dunia, kita boleh buat untung dengan turun naik harga emas, dan paling penting (5) PG jamin akan beli balik emas tu bila kita nak pakai duit.

5. **Bila masa terbaik membeli emas? Bila harga emas akan turun?** Masa terbaik membeli ialah bila anda faham apa itu emas, kepentingannya dan keuntungan menyimpannya. **Kalau first time, jangan tunggu harga rendah sebab anda tak faham bila harga rendah sebelum buat belian pertama**. Tak siapa tahu "how low is low" dan "how high is high" hatta mereka yang pakar analisis harga emas sekali pun. Jadi, **beli dulu sekurang-kurangnya 1 gram. Lepas itu baru monitor harga**.

Pengalaman saya, orang yang tunggu harga paling rendah biasanya terpaksa beli pada harga lebih tinggi sebab tak siapa tahu bila harga dikatakan paling rendah!

CARA 'CELIK EMAS' DENGAN CEPAT!

Saya cadangkan sahabat semua ambil sedikit masa untuk belajar tentang emas dari sumber yang berkredibiliti sebelum memulakan simpanan emas. Selain blog www.hafizshafie.com, saya boleh cadangkan:

- (a) **Artikel:** Baca artikel emas tulisan mentor emas saya En. Mohd Zulikfli Shafie di www.mohdzulkifli.com.
- (b) **Buku:** Beli buku beliau di <http://bit.ly/ebookgold>. Atau dapatkan buku tulisan mentor saya bertajuk "Wang Emas". Ini **cara paling pantas untuk celik emas**;



Panduan Terbaik Pelaburan
Emas di Malaysia
(RM80)
<http://bit.ly/ebookgold>
(Klik link di atas)



Buku "Wang Emas" (RM25)
Dapatkan di kedai buku Popular atau order
terus melalui Galeri Ilmu untuk pembelian
cara poslaju.

[ILMU VS UNTUNG] Sejauh mana anda mampu menjana keuntungan bergantung sejauh mana ilmu anda tentang emas & perak. Saya sangat syorkan anda dapatkan kedua-dua panduan di atas sebelum bermula. Ia boleh elakkan anda daripada melakukan kesilapan besar.

- (c) **Seminar Online :** Hadir seminar online asas pelaburan emas secara percuma anjuran Public Gold setiap hari di [FB Page Public Gold International](https://www.facebook.com/publicgoldinternational). Rujuk jadual seminar di [Jadual Online Seminar](https://www.facebook.com/publicgoldinternational).

Tentang emas ni, jangan percaya cakap saya. Sahabat semua perlu buat kajian sendiri. Apa yang saya tulis, itu cuma ilmu dan pandangan saya yang saya yakin ianya terbaik untuk saya dan sahabat pembaca semua. Dan pastinya ianya mempunyai kekurangan. Sekiranya bermanfaat untuk anda, puji-pujian bagi Allah. Wallahu a'lam.

Mohamad Hafiz b. Shafie
Public Gold Authorised Dealer (Kod. Dealer PG00054635)
+6014 500 5090 (wassap, sms, call)
mohamad.hafiz.shafie@gmail.com

TIP MENJADI KAYA DENGAN EMAS!

Emas memberikan kesan emosi berbeza kepada penyimpannya. **Bila mula menyimpan emas, kita akan mula rasa nak tambah simpan emas lagi dan lagi. Dan hilang keinginan untuk berbelanja yang bukan-bukan. Kita tak akan jual atau gadai emas itu kecuali ada keperluan yang mustahak sahaja! Itulah sebenarnya yang membuatkan penyimpan emas semakin kaya.**

PRODUK UTAMA PUBLIC GOLD

(A) Gold Bar LBMA (Ketulenan 99.99%)



Item gold bar yang dijual:
0.5g, 1g, 5g, 10g, 20g, 50g, 100g, 250g dan 1kg

Lihat foto-foto emas Public Gold di <http://bit.ly/pggoldphotos>

(B) Dinar Emas LBMA (Ketulenan 999.9%)



Item dinar Public Gold:
1/2 dinar (2.124g), 1 dinar (4.25g), 5 dinar (21.25g), dan 10 dinar (42.50g)

Lihat foto-foto emas Public Gold di <http://bit.ly/pggoldphotos>

[**SEJARAH HARGA EMAS**] Pertama kali saya beli emas pada **2 Oktober 2011**, harga **RM149 segram**. Harga emas **pernah cecah RM300 per gram** pada Julai 2020. Tahun 2013 - 2015, harga emas dalam trend menurun hingga ke paras terendah dalam 5 tahun. Ia bagus untuk pembeli. Untuk semak harga semasa, boleh cek di <http://www.publicgold.com.my> .

CARA MEMBELI EMAS PUBLIC GOLD

Kaedah	Pembelian Biasa (Outright Purchase)	Akaun Emas GAP (Gold Accumulation Program)
CIRI-CIRI	<p>Beli, terus ambil, dan simpan sendiri emas yang dibeli.</p>	<p>Beli dan simpan dengan Public Gold secara percuma, minimum 1 gram atau RM100. Kumpul sedikit demi sedikit, dan boleh keluar emas itu (untuk disimpan sendiri) pada bila-bila masa di cawangan Public Gold terdekat. Maklumat lanjut, baca di www.bit.ly/beliemasgap .</p>
CARA PEMBELIAN	<p>BELI DI CAWANGAN PUBLIC GOLD</p> <p>Buat pembelian terus item yang "ready stok" di cawangan Public Gold terdekat. Bayar dan bawa balik emas yang dibeli.</p> <ul style="list-style-type: none"> Pastikan beritahu nama saya "Mohamad Hafiz b Shafie" sebagai introducer supaya anda dapat BIMBINGAN PERCUMA daripada saya. Lepas pembelian, wassap saya +6 014 500 5090. <p>Semak alamat dan no telefon cawangan Public Gold di http://www.bit.ly/pgmybranch</p> <p>BELI : ORDER SECARA ONLINE</p> <p>[#1 : ORDER] Daftar di www.publicgold.com.my > Login > Register Account (atau terus klik link www.bit.ly/pgfreeregister). Isikan maklumat yang diminta, ikuti langkah hingga selesai.</p> <ul style="list-style-type: none"> Masukkan no. "00054635" pada bahagian Introducer dan pastikan keluar nama "Mohamad Hafiz b Shafie" supaya anda dapat BIMBINGAN PERCUMA daripada saya lepas pembelian. <p>[#2 : BAYAR] Buat bayaran berdasarkan Proforma Invoice yang anda terima melalui email, dan emailkan slip bayaran ke payment@publicgold.com.my bersama dengan no. order.</p> <p>[#3 : AMBIL EMAS] Terus telefon cawangan PG terdekat, berikan no. rujukan order. Kalau stok belum ready, minta mereka simpan stok dan beritahu bila stok dah sampai. Ambil nama staff tersebut supaya senang nak follow-up nanti. Tempoh paling lewat selalunya 1 – 2 minggu. Emas itu confirm dapat, itu saya jamin.</p> <ul style="list-style-type: none"> Pastikan bawa slip bayaran original & Proforma Invoice semasa nak datang ambil emas tu. <p>Kalau nak saya tolong orderkan, wassap saya +6014 500 5090 maklumat: (1) nama penuh, (2) no ic, (3) email, (4) no. telefon, (5) bajet pembelian.</p>	<p>BELI SECARA ONLINE</p> <p>Untuk pembelian pertama, ikut langkah di bawah:</p> <p>[#1 : DAPATKAN PG CODE]</p> <p>Dapatkan PG Code di link Daftar PG Code. Masukkan maklumat anda di form tersebut.</p> <p>PERHATIAN! Anda perlu membuat pembelian pertama dalam masa 24jam, untuk elakkan akaun anda dari kena FREEZE. Jika belum bersedia untuk buat belian, tidak perlu daftar lagi.</p> <p>[#2 : BUAT BELIAN PERTAMA]</p> <p>Login di www.publicgold.com.my menggunakan PG Code dan password tadi.</p> <p>Klik My GAP > New Site > Klik GAP Buy Now</p> <p>Masukkan maklumat, dan buat bayaran guna FPX. Boleh rujuk tutorial saya di link t.me/MohamadHafizShafie/580</p> <p>[#3 : SEMAK GAP STATEMENT]</p> <p>Tunggu Public Gold proses dalam masa 2 hari bekerja. Cek baki akaun emas GAP anda.</p> <p>Apa-apa persoalan, wassap saya +6014 500 5090 (Hafiz).</p>

CARA MENJADI DEALER PUBLIC GOLD

Anda secara automatik menjadi Dealer Public Gold (PG) sekiranya membuat **belian minimum** dalam satu belian, dan **layak mendapat insentif** untuk **BELIAN KEDUA** dan seterusnya seperti berikut:

Belian Minimum	Status Dealer	Insentif Belian	Insentif Jual Balik
200 gram emas	Normal Dealer	1.0%	0.3%
500 gram emas	Priority Dealer	1.5%	0.3%

Kelebihan Menjadi Dealer

- (1) Dibayar **insentif** atas pembelian sendiri, bermula pembelian kedua.
- (2) Dibayar **insentif 0.3%** setiap kali menjual semula kepada PG.
- (3) Dibayar **royalti sepanjang hayat** atas setiap pembelian customer yang diperkenalkan kepada PG sampai bila-bila.

Sambil menyimpan emas, dealer PG berpeluang menjana *passive income* minimum RM4,000 sebulan dalam tempoh 3 tahun bagi sesiapa yang mengikuti Program Pembangunan Dealer yang dinamakan PG One System (PG1S).

AMANAT DARI MENTOR SAYA

*Duit yang lebih banyak tidak lagi memotivasikan diri saya untuk berkerja lebih kuat. Apa yang memotivasikan saya sekarang ialah membantu orang lain berjaya, sekurang-kurangnya berjaya seperti saya, dalam **Misi Melahirkan 100 Mohd Zulkifli**, insyaAllah.*

*Saya telahpun meletakkan target untuk melahirkan 100 orang seperti saya, iaitu Master Dealer (MD) Public Gold yang mempunyai **passive income sekurang-kurangnya RM4,000 - RM8,000 sebulan** dalam tempoh 3 tahun dari sekarang, memiliki empayar bisnes kukuh dan boleh diwariskan kepada keluarga selepas ketiadaannya, dan mempunyai "kebebasan masa dan wang", insyaAllah.*

Saya mencari mereka yang serius mahu menjadi mentee saya dalam Public Gold, tetapi haruslah mempunyai kelayakan seperti berikut:

- (1) **Registered customer PG di bawah network saya, atau belum pernah menjadi customer PG, atau customer PG daripada network lain yang sudah tidak aktif lebih dari setahun.**
- (2) **Warga Malaysia, Brunei, Singapore atau Indonesia.**
- (3) **Mempunyai keinginan yang kuat untuk "hidup bebas", dan sanggup membayarnya dengan kerja keras dan usaha dengan sabar selama 3 - 5 tahun secara PART-TIME.** Orang begini selalunya hidup sentiasa sibuk sebab dia ada matlamat yang besar dalam hidup.
- (4) **Seorang yang sanggup belajar dan berguru.** *Unlearn & relearn.*

Siapa yang ada ciri-ciri di atas, boleh wassap saya di **+6014 500 5090**. Ini adalah tawaran serius dari saya secara peribadi untuk mereka yang mahu ikut saya dapat apa yang telah mentor saya dapat melalui platform Public Gold. InsyaAllah.

ARTIKEL TERBAIK PELABURAN EMAS

Untuk fahami lebih lanjut tentang pelaburan emas, ambil sedikit masa untuk baca artikel-artikel ringkas di blog mentor saya www.mohdzulkifli.com. Sila klik link artikel di bawah. InsyaAllah, anda akan lebih faham **pelaburan emas cara yang tepat, selamat dan menguntungkan**.

ARTIKEL	LINK
URUS RISIKO PELABURAN	
10 Kesilapan Pelabur Emas!	http://bit.ly/kesilapanemas
5 Tips Elak Penipuan Jual Beli Emas	http://bit.ly/elakpenipuanemas
Risiko Sebenar Pelaburan Emas	http://bit.ly/risikoemas
5 Risiko Besar Simpan Wang Kertas	http://bit.ly/risikowangkertas
Simpan 3 Bulan Pendapatan, Labur Selebihnya	http://bit.ly/simpan3bulan
Cari Guru Pelaburan, Bukan Salesman	http://bit.ly/gurupelaburan
ASAS JUAL BELI EMAS	
Cara Mulakan Pelaburan Emas Modal Kecil	http://bit.ly/emasmodalkecil
5 Kriteria Penting Memilih Emas Pelaburan	http://bit.ly/kriteriaemas
Cara Simpan Emas Dengan Selamat	http://bit.ly/carasimpanemas
Cara Mudah Membeli Emas Public Gold	http://bit.ly/carabeliemas
Mudahnya Beli Emas Dengan Akaun GAP	http://bit.ly/beliemasgap
10 Kelebihan Utama Emas Public Gold	http://bit.ly/kelebihanemaspg
Cara Pilih Item Terbaik Pelaburan Emas	http://bit.ly/itemterbaik
Akaun Emas atau Emas Fizikal?	http://bit.ly/akaunvsemasfizikal
4 Kerugian Beli Barang Kemas	http://bit.ly/rugibarangkemas
STRATEGI JUAL BELI	
5 Rahsia Pelabur Emas Sentiasa Senyum	http://bit.ly/pelabursenyum
3 Posisi Penting Dalam Pelaburan Emas	http://bit.ly/posisipelaburemas
Teknik Mengambil Untung Pelaburan Emas	http://bit.ly/teknikuntung
5 Tips Manipulasi Ar-Rahnu Cara Selamat	http://bit.ly/manipulasiarrahnu
Harga Emas Jatuh, Apa Nak Buat?	http://bit.ly/strategihargajatuh
CARA MEMANFAATKAN EMAS	
Simpan Emas Untuk Pendidikan Anak-anak	http://bit.ly/emasdanapendidikan
Emas Sebagai Backup Belanja Hangus	http://bit.ly/backupbelanjahangus
Emas Sebagai Modal Pusingan Bisnes	http://bit.ly/emasmodalpusingan
Emas Sebagai Alternatif Bawa Wang Keluar Negara	http://bit.ly/emasalternatifwang
Emas Penyelamat Dari Kejatuhan Ringgit	http://bit.ly/emaspenyelamatringgit
Emas Sebagai Hadiah Paling Bernilai	http://bit.ly/hadiahemas
BISNES EMAS	
6 Keuntungan Menjadi Dealer Public Gold	http://bit.ly/kelebihandealetpg